

## Ke Arah Pendidikan Bermutu<sup>1</sup>

Ahmad Bin Saleh

Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran  
Kementerian Pelajaran Malaysia

### — Editorial Note —

The Editorial Board would like to record here its thanks to the writer of this article for permission to print the article in this journal. This article, with slight modification and the addition of synopsis in English by the Editorial Board, is the speech entitled "Ke Arah Pendidikan Bermutu" delivered by the writer as the Director of Educational Planning and Research, Ministry of Education, Malaysia to the Association of Organisers of the Schools, Peninsular Malaysia, on 29th September, 1979. The Editorial Board believes that the article provides the readers with valuable information on the current concern of the Ministry of Education.

This article, Towards Quality Education, describes the effort that Malaysia has put in for educational development and concludes that the progress during the past two decades has been impressive from the quantitative point of view. This is not to say that the qualitative dimension of educational development has been totally neglected. From the start, activities for qualitative development had been interlaced with programmes for quantitative expansion. Now that urgent tasks of providing infrastructural physical facilities, of training sufficient numbers of teachers, and of providing a reasonable period of universal education, have been fulfilled, the country is in a position to shift its emphasis towards qualitative development of education. The article then draws up an overview of the kinds of programmes that are aimed at bringing about a greater degree of efficiency and effectiveness of the teaching-learning process in the pursuit of quality education.

### Ringkasan Sejarah Perkembangan Pendidikan

Sebelum merdeka, pendidikan di Persekutuan Tanah Melayu telah dikelola, dikendali, dikawal dan diletakkan di bawah kuasa penjajah Inggeris. Matlamat utama sistem pendidikan penjajah ini ialah semata-mata untuk memelihara serta menjamin kepentingan, hasrat dan cita-cita mereka di samping sebagai muslihat untuk membelenggu dan memecahbelahkan rakyat yang terdiri dari berbagai kumpulan etnik.

Pelaksanaan kegiatan pendidikan pada masa itu hanyalah sekadar melepaskan batuk di tangga sahaja. Ia berjalan secara *ad hoc* tanpa dibendung oleh satu garispanduan atau batasan-dasar yang konkret. Tegasnya pendidikan di zaman itu berkembang secara sewenang-wenang tanpa satu dasar yang jelas yang dapat membina dan memupuk unsur-unsur kebangsaan. Orientasi pendidikan yang sumbang ini telah mengekalkan tumpuan taat setia rakyat pendasarnya kepada negara asal mereka.

Selepas Merdeka (1957) pendidikan menjadi faktor terpenting dalam mengisi dan mendewasakan kemerdekaan tanahair kita. Dalam usaha pembangunan negara pendidikan telah menjadi tumpuan perhatian utama seluruh rakyat dan dipandang berat oleh para pejuang politik dan pemimpin-pemimpin kebangsaan. Dari kegiatan pendidikan yang *ad hoc* tadi sistem pendidikan kita telah digubal di atas tapak yang lebih kukuh dan mantap berdasarkan satu dasar kebangsaan yang lebih menyeluruh serta dapat diterima oleh sebahagian besar rakyat kita. Atas kesedaran inilah, kita telah menggubal *Dasar Pelajaran Kebangsaan* yang berasaskan kepada *Penyata Pelajaran Razak 1956*.

Pernyataan dan perakuan Penyata Razak pada dasarnya lebih merupakan educational formulae sahaja, oleh itu ia penting diterjemahkan ke dalam berbagai kegiatan pendidikan. Setelah dilaksanakan selama tiga tahun, Penyata ini disemak semula dan telah menghasilkan *Penyata Pelajaran Rahman Talib 1960*.

### Kejayaan Perkembangan Kuantitatif

Perkembangan pendidikan pada awal tahun-tahun enam puluhan banyak tertumpu kepada aspek-aspek ‘genting’ yang menuju kepada perpaduan dan pembangunan negara yang bergegera, walhal bidang persekolahan pada ketika itu berada dalam keadaan yang serba kekurangan. Maka sudah kenalah pada tempatnya yang Penyata Razak dan Penyata Rahman Talib memberi keutamaan kepada *perkembangan kuantitatif*. Ini juga memang selaras dengan jaminan pemerintah bagi menyahut permintaan rakyat serta memenuhi keinginan mereka, yakni menyediakan tempat belajar secukupnya bagi kanak-kanak yang sudah meningkat ke umur masuk sekolah. Kecenderungan ke arah perkembangan kuantitatif ini bukan hanya terbatas di Tanah Melayu sahaja, tetapi juga telah tersebar luas dan menjadi universal concern, terutama bagi negara-negara sedang membangun seperti yang disarankan dalam Perisytiharan Karachi dalam bulan Januari 1960.

Kerajaan kita mengakui konsep democratization of education, yakni meluaskan kemudahan belajar serta mewujudkan peluang-peluang belajar yang samarata bagi semua murid tanpa mengira kaum, asal keturunan, kawasan kediaman dan taraf sosio-ekonomi mereka. Kementerian Pelajaran menyokong penuh konsep ini dan berusaha sedaya upaya dari semasa ke semasa menterjemahkan supaya menjadi kenyataan. Sokongan ini dinyatakan dengan sejelas-jelasnya melalui syor-syor *Penyata Razak* dan *Penyata Rahman Talib* yang secara langsung meningkatkan lagi perkembangan kuantitatif. Di antara lain, syor-syornya adalah seperti berikut:

#### 1. Penyata Razak

- Melanjutkan had umur keluar sekolah kepada ± 12 tahun.
- Tidak boleh menahan seseorang kanak-kanak itu daripada masuk belajar dalam sekolah jika ada tempat kosong.
- Murid-murid tidak boleh tinggal lebih daripada setahun dalam mana-mana suatu darjah di sekolah rendah.
- Menubuhkan sekolah menengah kebangsaan.
- Memperluaskan lagi pendidikan teknik.
- Mengadakan peluang-peluang belajar tambahan dan sambilan bagi murid-murid yang terpaksa berhenti sekolah.

#### 2. Penyata Rahman Talib

- Melanjutkan had umur keluar sekolah kepada ± 15 tahun yang membolehkan Kerajaan menjalankan pemansuhan Peperiksaan Masuk ke Sekolah-sekolah Menengah (Malaysian Secondary School Entrance Examination, MSSEE) pada tahun 1964.
- Mengadakan pelajaran rendah percuma kepada semua mulai tahun 1962.
- Mengadakan kursus vokesyenal selama tiga tahun di Sekolah Lanjutan Kampung.
- Perkembangan dan penyusunan semula pendidikan teknik dan vokesyenal.
- Mbenarkan 5 tahun pendidikan peringkat rendah kepada murid-murid yang cerdik dengan memperkenalkan *kelas deras* (express class).
- Mengadakan pelajaran lanjutan selama tiga tahun untuk murid-murid yang tidak dapat masuk ke sekolah menengah.

Perkembangan kuantitatif dalam pendidikan lebih berupa langkah jangka pendek dan jangka pertengahan bagi mengatasi masalah pengajaran-pembelajaran yang meliputi pembangunan fizikal dan bukan fizikal. Antara rancangan-rancangan utamanya ialah seperti berikut: (i) Pembinaan bangunan sekolah, (ii) Kemasukan murid-murid (enrolment), dan (iii) Pengeluaran guru-guru terlatih.

Jadual 1, Jadual 2, Jadual 3 dan Jadual 4 yang berikut di bawah ini menunjukkan ringkasan data-data mengenai perkara-perkara yang tersebut di atas.

### JADUAL 1

#### **Ringkasan Bilangan Sekolah, Murid dan Guru Peringkat Rendah dan Menengah serta Peratus Tambahan dalam Jangkamasa Enam Tahun**

Tahun	Jumlah bagi Sekolah Rendah dan Menengah					
	Bilangan Sekolah		Bilangan Murid		Bilangan Guru	
	Bilangan	% Tambahan	Bilangan	% Tambahan	Bilangan	% Tambahan
1962	4681	—	1256924	—	45960	—
1970	5100	9.0	1889573	50.3	63433	38.0
1978	5080	- 0.4	2514978	33.1	84641	33.4

### JADUAL 2

#### **Bilangan Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah Bantuan Kerajaan Mengikut Tahun**

<b>A. SEMENANJUNG MALAYSIA</b>			
TAHUN	<b>BILANGAN SEKOLAH</b>		
	<b>RENDAH</b>	<b>MENENGAH</b>	<b>JUMLAH</b>
1956	4,216	n.a.	—
1962	4,450	231	4,681
1965	4,366	751	5,117
1970	4,365	735	5,100
1975	4,323	737	5,060
1978	4,341	739	5,080

  

<b>B. SABAH DAN SARAWAK</b>			
TAHUN	<b>BILANGAN SEKOLAH</b>		
	<b>RENDAH</b>	<b>MENENGAH</b>	<b>JUMLAH</b>
1975	1,998	149	2,147
1978	2,064	163	2,227

## JADUAL 3

**Bilangan Murid serta Peratus Tambahan di Sekolah-Sekolah Rendah dan Menengah  
Akademik Bantuan Kerajaan Mengikut Tahun**

<b>A. SEMENANJUNG MALAYSIA</b>						
<b>TAHUN</b>	<b>SEKOLAH RENDAH</b>		<b>SEKOLAH MENENGAH</b>		<b>SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH</b>	
	<b>BILANGAN</b>	<b>% TAMBAHAN</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>% TAMBAHAN</b>	<b>JUMLAH BILANGAN</b>	<b>% TAMBAHAN</b>
1956	789,267	—	66,343	—	855,610	—
1962	1,124,483	42.47	132,441	99.63	1,256,924	46.90
1965	1,217,309	8.25	275,847	108.28	1,493,156	18.79
1970	1,421,469	16.77	468,104	69.70	1,889,573	26.55
1975	1,586,909	11.64	722,479	54.34	2,309,388	22.22
1978	1,637,143	3.17	877,835	21.50	2,514,978	8.90
<b>B. SABAH DAN SARAWAK</b>						
<b>TAHUN</b>	<b>SEKOLAH RENDAH</b>		<b>SEKOLAH MENENGAH</b>		<b>SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH</b>	
	<b>BILANGAN</b>	<b>% TAMBAHAN</b>	<b>BILANGAN</b>	<b>% TAMBAHAN</b>	<b>JUMLAH BILANGAN</b>	<b>% TAMBAHAN</b>
1975	298,525	—	95,485	—	394,010	—
1978	330,668	10.77	131,446	37.66	462,114	17.28

**JADUAL 4**

**Bilangan Guru-Guru Sekolah Rendah dan Menengah Bantuan  
Kerajaan (Akademik) Mengikut Tahun**

<b>A. SEMENANJUNG MALAYSIA</b>									
<b>TAHUN</b>	<b>BIL: GURU SEKOLAH RENDAH</b>			<b>BIL: GURU SEKOLAH MENENGAH</b>			<b>JUMLAH BILANGAN GURU</b>		
	<b>MATAPELA-JARAN AM</b>	<b>UGAMA ISLAM</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>MATAPELA-JARAN AM</b>	<b>UGAMA ISLAM</b>	<b>JUMLAH</b>	<b>MATAPELA-JARAN AM</b>	<b>UGAMA ISLAM</b>	<b>JUMLAH</b>
1956	29,874	n.a.	29,874	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.	n.a.
1962	40,803	n.a.	40,803	5,157	n.a.	5,157	45,960	n.a.	45,960
1965	42,663	3,284	45,947	10,730	247	10,977	53,939	3,531	56,924
1970	45,066	3,468	48,534	18,367	599	18,966	63,433	4,067	67,500
1975	49,028	3,571	52,599	26,508	1,221	27,729	75,536	4,792	80,328
1978	52,492	3,638	56,130	32,149	1,654	33,803	84,641	5,292	89,933
<b>B. SABAH DAN SARAWAK</b>									
<b>TAHUN</b>	<b>BIL: GURU SEKOLAH RENDAH</b>			<b>BIL: GURU SEKOLAH MENENGAH</b>			<b>JUMLAH BILANGAN GURU</b>		
1975	—	—	10,080	—	—	3,577	—	—	13,657
1978	—	—	11,112	—	—	4,948	—	—	16,060

Jadual 1 jelas menunjukkan bahawa terdapat pertambahan dalam tahun 1970, tetapi kekurangan dalam tahun 1978. Ini disebabkan oleh percantuman sekolah-sekolah kecil, iaitu sekolah-sekolah yang mempunyai enrolment kurang daripada 180 orang murid. Bilangan murid dan guru jelas bertambah dari tahun ke tahun dan lebih ketara lagi antara 1962 – 1970, yang disebabkan oleh kenaikan darjah secara otomatik hingga ke 9 tahun persekolahan.

### Perlunya Perkembangan Kualitatif

Perangkaan tadi sudah cukup untuk membuktikan bahawa kita telah mencapai kejayaan yang cemerlang serta kemajuan yang pesat dalam perkembangan kuantitatif. Kita bukan sahaja dapat menepati matlamat yang dicita-citakan bagi mengisi keadaan serba kekurangan yang wujud di bidang pendidikan pada masa lampau, tetapi lebih dari itu, kita telah maju begitu jauh sehingga melampaui jangkaan dan matlamat yang disarankan oleh *Perisytiharan Karachi*. Dari tafsiran angka angka tadi Kementerian Pelajaran telah berjaya merintis jalan dan membina satu tapak yang kukuh bagi perkembangan dan kemajuan selanjutnya dalam arena pendidikan.

Perkembangan kuantitatif tidak akan memberi makna apa-apa jika tidak dilengkapi serta disokong dengan pembangunan kualitatif kerana dalam semua aktiviti pendidikan, penujuan muktamad kita ialah untuk sampai kepada murid-murid melalui proses pengajaran-pembelajaran. Dengan rasional ini kita perlu pula "mengalihkan" pandangan serta mengarahkan segala kemampuan dan sumber negara yang ada ke arah perkembangan kualitatif, tetapi, ini tidaklah pula bermakna bahawa selama ini kita mengabaikan perkembangan tersebut. Hal yang hendak ditegaskan di sini ialah bahawa masih banyak yang boleh diusahakan dalam bidang kualitatif ini.

Tahun 1967 telah menyeret seluruh dunia ke dalam kancang inflasi dan stagflasi yang hampir-hampir '*melumpuhkan*' ekonomi semua negara termasuk Malaysia. Ikutan dari fenomena ini, Kerajaan telah mengambil langkah berjimat cermat (*austerity drive*). Langkah ini sama ada secara langsung atau tidak langsung tentulah mempunyai implikasinya terhadap perkembangan pendidikan. Malah langkah ini dapat ditafsirkan sebagai tanda-tanda kecenderungan sanggup mengorbankan kualiti pendidikan demi untuk menyelamatkan kemantapan ekonomi keseluruhannya. Kualiti pendidikan menjadi secondary element, dan agak kurang dipertahankan, malah, telah menjadi unsur tawar-menawar kerana menurut kebiasaan, governing/dominant norms ialah norma-norma ekonomi dan bukannya norma-norma pendidikan. Sekarang sudah sampailah masanya supaya pandangan berat sebelah dan kedudukan tidak seimbang ini dinilai semula dalam perspektif yang betul agar tidak merugikan mana-mana pihak.

Kesan secara langsung tindakan austerity drive ini ialah pelaksanaan *Pekeliling 3/67* yang berupa garispanduan yang menentukan standad dan norma-norma yang mesti dipatuhi dalam semua kegiatan pendidikan dan persekolahan.

Pengalaman *Pekeliling 3/67* ini dalam konteks pembangunan kualitatif lebih merupakan rintangan-rintangan yang melemahkan tempo perkembangan daripada suatu daya penggerak yang menguntungkan. Adalah diyakinkan bahawa Pekeliling ini tidak sesuai lagi kerana:

1. ianya difikirkan dan direncanakan dalam keadaan yang berlainan, di mana iklim ekonomi negara pada masa itu kurang menggalakkan, sedangkan sekarang ini kedudukan ekonomi kita telah pulih semula.
2. ianya dirancangkan lebih berupa urban-oriented, yakni penentuan standad dan norma-norma adalah semata-mata berlandaskan perkembangan dan keperluan sekolah-sekolah di bandar-bandar; dengan hal yang demikian sudah tentulah Pekeliling ini lebih menjaga kepentingan serta menguntungkan sekolah-sekolah di bandar-bandar. Semenanjung itu ianya kurang mempertimbangkan sekolah-sekolah di luar bandar khasnya sekolah-sekolah kecil di kawasan-kawasan terpencil; oleh itu segala standad dan norma-norma yang disarankan telah menafikan hak dan kepentingan sekolah-sekolah jenis ini.

### Hubungan Interpersonal

*Satu Pekeliling baru* yang lebih sesuai hendaklah difikirkan untuk mengatasi masalah-masalah di atas serta dapat pula menghadapi cabaran dan desakan pendidikan masakini.

Pekeling baru ini seboleh-bolehnya hendaklah dibina di atas asas bahawa Malaysia dari segi pendidikan ialah sebuah negara maju dan bukannya lagi negara yang sedang membangun. Dalam keadaan sekarang, saiz kelas adalah terlampau besar sehingga ada setengah-setengah sekolah yang terpaksa menghadapi masalah 60 orang murid dalam sebuah kelas. Dalam kelas yang seramai ini sudah tentu dengan sendirinya mengurangkan input guru, dan kerja-kerja mengajar menjadi kurang berkesan. Guru-guru lebih cenderung mengurangkan aktiviti bilik darjah mereka, misalnya guru bahasa jarang-jarang memberi latihan karang-mengarang, dan walau sekalipun tugas ini disemak, penyemakannya tidaklah rapi atau meticulous. Oleh itu saiz kelas hendaklah dikurangkan dan nisbah guru-murid juga hendaklah diperbesarkan. Kedua-dua faktor ini sangat penting bagi menjamin dan membolehkan berlakunya hubungan interpersonal di antara guru dan murid.

Intisari pendidikan ialah murid-murid berjaya dalam proses pembelajaran dan proses pemindahan pembelajaran. Kejayaan ini, walau bagaimana banyakpun, akan bergantung kepada proses pengajaran-pembelajaran yang berlaku di dalam bilik darjah, sedangkan kejayaan proses pengajaran-pembelajaran ini pula terletak kepada hubungan bersemuka (interpersonal relationship) di antara guru-murid. Untuk mencapai interaksi seumpama ini guru-guru hendaklah disediakan dengan segala kemudahan supaya dapat mereka memberi perhatian yang sepenuhnya kepada murid-murid yang diajar, terutama melalui kelas yang lebih kecil.

Dari keadaan persekitaran fizikal dan sosial yang sedia wujud, para pendidik dan pentadbir pendidikan telah dihadapkan dengan satu dilema yang timbul dari situasi di sekolah dalam bandar di satu pihak, dan sekolah di luar bandar di pihak yang lain. Sekolah di bandar menghadapi masalah overpopulated dan overcrowded classroom manakala di luar bandar pula terdapat sekolah-sekolah kecil yang underpopulated, kadang-kadang kelasnya terlampau kecil sehingga 4 atau 5 murid sahaja sekelas. Oleh sebab itu 2 atau 3 kelas dicantumkan di dalam sebuah bilik darjah, dan diawasi oleh seorang guru sahaja. Ini ditambah lagi dengan suasana persekitaran yang tidak membarkan yang sudah tentu akan menjadikan pengajaran-pembelajaran. Hal ini tentulah menjadikan schooling uneconomical. Jadual-jadual 5, 6, 7, 8 dan 9 di halaman-halaman yang berikutnya, mengukarkan data-data berhubung dengan dilema yang disebutkan di atas.

Dilema ini dapat diatasi dengan memperbaiki lagi keadaan fizikal dan sosial di sekolah-sekolah kecil supaya dapat mewujudkan suasana pengajaran-pembelajaran yang lebih selesa. Langkah yang dicadangkan ialah menyediakan satu Pekeling khas yang menentukan standad dan norma-norma sesuai untuk sekolah jenis ini yang berlainan daripada *Pekeling 3/67*.

#### JADUAL 5

#### Bilangan Sekolah Kecil Luar Bandar di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan Bilangan Murid Sekolah Kecil Luar Bandar di Semenanjung Malaysia

Bilangan Sekolah Kecil Luarbandar di Semenanjung Malaysia Enrolmen Kurang Dari 180 Orang Murid Seperti pada 1hb. Jun, 1978 Mengikut Semua Aliran	Saiz Sekolah Mengikut Enrolmen	Bilangan Sekolah Kecil	Bilangan Sekolah Rendah	Peratus dari Bilangan Sekolah Rendah
	0 – 179	1,467	4,334	33.9
Bilangan Murid Sekolah Kecil Luarbandar di Semenanjung Malaysia Enrolmen Kurang Dari 180 Orang Murid Seperti pada 1hb. Jun, 1978	Saiz Sekolah Mengikut Enrolmen	Bilangan Murid Sekolah Kecil	Bilangan Murid Sekolah Rendah	Peratus Dari Bilangan Murid Sekolah Rendah
	0 – 179	146,191	1,637,147	8.9
Bilangan Sekolah Kecil Luarbandar di Sabah dan Sarawak Enrolmen Kurang Dari 180 Orang Murid Seperti pada tahun 1978	Saiz Sekolah Mengikut Enrolmen	Bilangan Sekolah Kecil	Bilangan Sekolah Rendah	Peratus dari Bilangan Sekolah Rendah
	Sabah	548	804	68.2
	Sarawak	1,001	1,257	76.5

## JADUAL 6

Bilangan dan Distribusi Sekolah-Sekolah Kecil Luarbandar di Semenanjung Malaysia.  
Enrolmen Kurang Dari 180 Orang Murid Seperti Pada 1hb. Jun, 1978 (Mengikut Semua Aliran)

Saiz Sekolah Mengikut Enrolmen 0-179	Perlis	Kedah	Pulau Pinang	Perak	Selangor	Negeri Sembilan	Melaka	Johor	Pahang	Trengganu	Kelantan	Jumlah	Peratus dari Jumlah Sekolah Kecil	Peratus dari Jumlah Sekolah Rendah
0-44	—	11	1	30	17	21	8	45	29	19	10	191	13.0	4.4
45-99	1	39	19	106	54	48	17	108	82	45	12	531	36.2	12.3
100-149	3	47	12	107	37	42	25	97	59	29	16	475	32.4	11.0
150-179	4	38	10	42	31	33	17	38	21	15	21	270	18.4	6.2
Jumlah	8	135	42	285	139	144	67	288	191	108	59	1,467	100	33.9
Bilangan Sek. Rendah	55	458	237	773	579	301	216	738	391	250	336	4,334	—	—
% dari Sek. Kecil	0.6	9.2	2.9	19.4	9.5	9.8	4.6	19.6	13.0	7.4	4.0	—	100	—
% dari semua Sek. Ren. di Sem. M'sia	0.20	3.11	0.96	6.60	3.20	3.32	1.54	6.64	4.40	2.50	1.40	—	—	33.9

## JADUAL 7

Bilangan Murid di Sekolah-Sekolah Kecil Luarbandar di Semenanjung Malaysia.  
Enrolmen Kurang daripada 180 Orang Murid pada 1hb. Jun, 1978 Mengikut Semua Aliran

Saiz Sekolah Mengikut Enrolmen	0 – 179	Perlis	Kedah	Pulau Pinang	Perak	Selangor	Negeri Sembilan	Melaka	Johor	Pahang	Trengganu	Kelantan	Jumlah	Peratus dari jumlah Murid Sekolah Kecil	Peratus dari jumlah Murid Sekolah Rendah
0 – 44	—	380	32	1,360	595	790	258	1,495	953	595	345	6,803	4.7	0.4	
45 – 99	47	2,837	1,306	6,547	3,672	3,445	1,243	7,693	6,000	3,320	822	36,980	25.3	2.2	
100 – 149	355	5,880	1,404	12,739	4,614	5,339	3,109	12,057	7,314	3,661	2,073	58,545	40.0	3.6	
150 – 179	505	6,193	1,631	6,886	5,110	5,332	2,798	6,105	3,430	2,454	3,419	43,863	30.0	2.7	
Jumlah	907	15,290	4,373	27,532	13,991	14,906	7,408	27,350	17,745	10,030	6,659	146,191	100	8.9	

**JADUAL 8**

**A. Bilangan Sekolah Kecil Luarbandar di Sabah. Enrolmen Kurang dari 180 Orang Murid Seperti Pada Tahun 1978**

Saiz Sekolah mengikut Enrolmen	Jumlah Sekolah Kecil	Jumlah Sekolah Rendah	Peratus dari Jumlah Sekolah Rendah
0 – 179	548	804	68.2%

**B. Bilangan Sekolah Rendah Kecil Luarbandar Di Sarawak Enrolmen Seperti Pada Tahun 1978**

Saiz Sekolah mengikut Enrolmen	Jumlah Sekolah Kecil	Jumlah Sekolah Rendah	Peratus dari Jumlah Sekolah Rendah
0 – 179	1,001	1,257	76.5%

## JADUAL 9

RKPPRL	Rancangan Khas Pemulihan Pelajaran Rendah di Kawasan Luarbandar		
Matlamat	Aspek	Proses/Bidang	Output Program
Mempertinggikan mutu pelajaran peringkat rendah khasnya di Sek. sek. kecil di kawasan luarbandar selaras dengan matlamat Dasar Ekonomi Baru.	<p>Pemulihan Kuantitatif Kemudahan Fizikal</p> <p>Pemulihan Kualitatif Peningkatan kualiti Tenaga Pentadbir dan Pengajar.</p> <p>Penglibatan Masyarakat Setempat.</p> <p>Pemulihan Perkhidmatan Sokongan</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Kemudahan-Kemudahan asas.</li> <li>2. Percantuman/Sekolah Pusat.</li> <li>3. Pembinaan sekolah baru.</li> <li>4. Pemulihan bangunan sekolah.</li> <li>5. Rumah guru dan gurubesar.</li> <li>6. Pengangkutan.</li> <li>7. Pemulihan asrama.</li> <li>8. Pembinaan asrama baru.</li> <li>9. Kompleks Sekolah.</li> </ul> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Penempatan guru-guru dan gurubesar-gurubesar yang terlatih, berkelayakan dan berpengalaman.</li> <li>2. Kursus dalam perkhidmatan.</li> <li>3. Kursus Latihan pra-perkhidmatan.</li> </ul> <p>PIBG/Perkumpulan Wanita/Pertubuhan Sukarela</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>1. Penyeliaan berkesan.</li> <li>2. Pendidikan imbuhan.</li> <li>3. Sekim bantuan buku teks.</li> <li>4. Rancangan perkhidmatan kesihatan sekolah.</li> <li>5. Rancangan amalan makanan dan pemakanan.</li> <li>6. Rancangan perkhidmatan perpustakaan sekolah.</li> <li>7. Rancangan T.V. Pendidikan dan Radio.</li> <li>8. Perkhidmatan bimbingan dan kerjaya.</li> <li>9. Pindaan pekeliling pentadbiran 3/67.</li> <li>10. Pindaan pekeliling kewangan dan akaun 4/73 dan 1/74.</li> <li>11. Penambahan kadar pemberian bantuan pelajaran.</li> <li>12. Kurikulum sepadau dan pengajaran modul dan rakan sebaya.</li> <li>13. Penambahan alat-alat pembelajaran/ pengajaran.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1. Memperbaiki suasana pembelajaran dan pengajaran di kalangan murid-murid yang kurang berasib baik.</li> <li>2. Mempertinggikan prestasi dan pencapaian murid-murid dalam peperiksaan.</li> <li>3. Mengurangkan kadar keciran/ketidak-hadiran di kalangan murid.</li> <li>4. Mempertinggikan kadar penurusan ke peringkat pelajaran yang lebih tinggi.</li> </ul>

### Perkhidmatan Sokongan dalam Pendidikan

Perlaksanaan pendidikan di Malaysia adalah berdasarkan sistem pusat. Kementerian Pelajaran ialah jentera pengembangan pendidikan yang utama. Kementerian ini telah berkembang dengan pesatnya sehingga menjadi sebuah organisasi yang besar lagi kompleks, tetapi malangnya perkembangan ini tidaklah setimpal dengan perkembangan kepegawaianya. Kemungkinannya ialah keadaan ini menjadkan perkhidmatan yang cekap di peringkat pusat yang dengan sendirinya menjadkan aktiviti penyampaian dan perlaksanaan projek dan program pendidikan di peringkat negeri, daerah dan sekolah. Dengan yang demikian, bidang-bidang lain juga sama ada yang berkaitan secara langsung atau tidak langsung dengan pendidikan, hendaklah diberi perhatian melalui *perkhidmatan sokongan dalam pendidikan*.

### JADUAL 10

#### Peruntukan Perbelanjaan Perkhidmatan Sokongan Pendidikan Dibandingkan Dengan Peruntukan Kementerian Pelajaran Tahun 1978 (Angka Dalam \$ juta)

Peruntukan Keseluruhan untuk Kementerian Pelajaran	\$2,207.00
Peruntukan untuk Perkhidmatan Sokongan Pendidikan	\$ 57.84
Peratus Perbelanjaan	2.6%

Sehingga sekarang boleh dikatakan kurang penumpuan dalam bidang ini apabila diukur dari belanjawan yang begitu kecil, iaitu hanya 2.6% dari seluruh belanjawan Kementerian Pelajaran.

Proses pengajaran-pembelajaran perlu diawasi menerusi kawalan kualiti (quality control). Proses ini merupakan faktor terpenting dalam pendidikan yang melibatkan penyertaan yang cergas dari tiga pihak iaitu:

- (1) penerima — murid-murid,
- (2) penyampai — guru-guru, dan
- (3) penyelia — nazir/penyelia/pengelola/pegawai-pegawai lain.

Proses pembelajaran tidak boleh diserahkan bulat-bulat kepada takdir atau ihsan dari sesuatu keadaan tetapi hendaklah dikendalikan secara deliberate. Tugas-tugas pengawasan dan penyeliaan yang dijalankan oleh nazir umpamanya, bukan sahaja untuk menentukan penyampaian yang baik tetapi juga penerimaan yang berkesan. Penyeliaan yang baik ialah pengawasan yang berte-rusan yang berjalan sepanjang masa, dan tidak harus dilakukan apabila keadaan mengizinkan secara ad hoc. Kawalan kualiti janganlah hendaknya mengambil sistem fire brigade, yakni naziran dijalankan sesudah menonjol satu-satu keadaan yang genting dan mendesak, tetapi tidak dikesani awal-awal lagi sebelum nasi menjadi bubur.

Sementara itu konsep naziran itu sendiri perlu dilihat dari sudut perspektif yang lebih luas. Kerja-kerja naziran seperti penyeliaan, pengawasan, khidmat-nasihat dan pemulihan bukan semata-mata terletak kepada anggota Jemaah Nazir Sekolah sahaja, tetapi, adalah menjadi masalah dan tanggungjawab bersama pihak-pihak lain juga, yang dalam bidang-bidang tertentu, melibatkan pegawai-pegawai di peringkat-peringkat Kementerian, Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan guru-guru kanan di sekolah-sekolah.

Setakat ini kuasa dan tenaga nazir amat berkurangan. Hanya akhir-akhir ini sahaja bilangan nazir mencapai 96 orang dan adalah dijangka bahawa pada tahun 1980 kekuatan mereka akan meningkat ke 189 orang. Dengan kekuatan sekarang kedudukannya ialah seorang nazir terpaksa menyelia lebih kurang 500 orang guru; bahkan adalah sukar bagi mereka untuk menyelia sekali dalam setahun bagi sesebuah sekolah. Tambahan pula kerja-kerja pengawasan dan naziran ini dijalankan menerusi beberapa cara seperti: (i) pemeriksaan penuh, (ii) pemeriksaan matapelajaran, dan (iii) lawatan biasa.

Di peringkat negeri, walaupun setiap Pengarah Pelajaran itu dibantu oleh Pengelola/Penyeilia Sekolah-Sekolah yang bertanggungjawab terus dalam pengelolaan, pengawasan dan pemeriksaan sekolah-sekolah, tetapi kebanyakan daripada mereka ini terlampau 'ditenggelami' dengan tugas-tugas pentadbiran sehingga tidak berpeluang secukupnya untuk mengawasi dan memberi khidmat-nasihat berhubung dengan kemahiran dan kegiatan-kegiatan profesional.

Oleh sebab kebanyakan aktiviti pendidikan berkisar pada murid dan guru, maka pendidikan guru tidak seharusnya dipandang ringan, kerana, merekalah satu-satunya jentera penyampai yang paling efektif at the grassroots level.

Pendidikan guru dalam erti kata sebenarnya tidaklah hanya berupa latihan-latihan formal yang bermula di peringkat maktab, iaitu semasa guru pelatih itu masih berada di dalam maktab, malah ianya berlanjutan hingga ke saat-saat mereka menjejakkan kaki di sekolah selepas tamat latihan. Maka, dalam hubungan ini guru-guru lepasan maktab pun perlu dilatih semula, tetapi program atau rancangan kursus dalam perkhidmatan ini tidak sepatutnya dijalankan secara ad hoc. Pengambilan peserta bukan '*pakai pilih*' sahaja apabila sesuatu keadaan timbul; sebaliknya pengambilannya hendaklah menyeluruh meliputi semua jenis guru. Maksudnya semua guru akan dipanggil balik supaya berpeluang mengikuti kursus dalam perkhidmatan, katalah, setelah empat atau lima tahun berkhidmatan di sekolah. Begitulah dilakukan berulangkali secara berterusan. Kursus-kursus dirancang dalam bentuk jangka panjang, jangka pertengahan dan jangka pendek mengikut keperluan dan permintaan yang mungkin berubah dari semasa ke semasa, selaras dengan kemajuan serta perubahan pendidikan. Tegasnya, kursus dalam perkhidmatan bukannya latihan ulangkaji, tetapi hendaklah merupakan latihan lanjutan. Di negara Jepun dan Russia misalnya, para guru diwajibkan mengikuti kursus dalam perkhidmatan sekali pada tiap-tiap lima tahun.

### **Pendidikan Teknik dan Vokesyenal**

Pendidikan teknik dan vokesyenal dewasa ini perlu mengambil konsep baru. Pendidikan ini sekarang tidak lagi seperti pada mula-mula ia dilancarkan, iaitu dirancangkan untuk menampung murid-murid yang gagal meneruskan pelajaran mereka ke peringkat menengah akademik. Peranan asal ini adalah tidak sesuai lagi kerana timbul permintaan yang bukan sahaja kian bertambah, tetapi berlainan objektif, berikutan dengan perkembangan pesat di sektor-sektor perindustrian dan perdagangan. Di samping itu juga didapati sekolah menengah teknik dan vokesyenal sekarang bukan sahaja menampung murid-murid yang gagal bahkan juga telah menerima murid-murid yang berkelulusan baik. Jadual 10, menunjukkan jumlah sekolah, murid-murid, dan guru-guru, di Sekolah-sekolah Menengah Teknik dan Vokesyenal hingga tahun 1978.

Pengembangan yang lebih pesat dalam bidang ini amat tepat dengan cita-cita *Dasar Ekonomi Baru* (DEB). Ramai yang meletakkan special interest dalam pendidikan teknik dan vokesyenal ini. Biarlah dengan kesempatan yang ada ini saya menarik perhatian tuan-tuan/puan-puan kepada dua petikan akhbar oleh dua orang tokoh politik pada masa ini:

1. Y.B. Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah berpendapat bahawa:

The Government plans to build about 24 more vocational schools to equip more rural children with technical knowledge. These schools would be useful to those who had failed in their academic studies. In any government, education is always the most important investment..... It is for this reason too that our Government allocates 25 per cent of its budget for education.

(The New Straits Times, 10.2.1979)

2. Y.B. Dato' Musa Hitam pula menyatakan bahawa:

Lebih banyak sekolah vokesyenal dan teknik akan dimasukkan di bawah kajian separuh penggal Rancangan Malaysia Ketiga bagi menyerap seberapa ramai pelajar yang boleh dari jurusan akademik. Di masa-masa lalu sekolah-sekolah vokesyenal merupakan jalan keluar bagi para pelajar yang tercicir dari jurusan akademik tetapi keadaan sekarang telah berubah. Semakin ramai pelajar sekarang memasuki sekolah seumpama itu memandangkan nilai latihannya dari segi ekonomi.

(Watan, 28.2.1979)

**JADUAL 11**

**Bilangan Sekolah, Murid dan Guru di Sekolah-Sekolah  
Menengah Teknik dan Vokesyenal, 1978**

	Bilangan Sekolah	Bilangan Murid	Guru	
			Akademik	Ugama
Sekolah Menengah Teknik	9	5,459	321	12
Sekolah Menengah Vokesyenal	23	10,088	799	28
Jumlah	32	15,547	1,120	40

Di bawah ini dibentangkan pula satu gambaran menyeluruh mengenai kedudukan dan jangkaan perkembangan bidang pendidikan Teknik dan Vokesyenal sehingga tahun 1975.

**JADUAL 12**

**Bilangan Sekolah, Murid dan Guru Sekolah Menengah Teknik dan Vokesyenal,  
Tahun 1975 dan 1978 serta Unjuran untuk Tahun 1985**

Jenis Sekolah	Tahun 1975			Tahun 1978			Tahun 1985		
	Bilangan Sekolah	Bilangan Murid	Bilangan Guru	Bilangan Sekolah	Bilangan Murid	Bilangan Guru	Bilangan Sekolah	Bilangan Murid	Bilangan Guru
Sek. Men. Teknik	8	3683	218	9	5,459	333	9	5,640	512
Sek. Men. Vokesyenal	19	7629	568	23	10,088	827	35	16,282	1,377
JUMLAH	27	11312	786	32	15,547	1,160	44	21,922	1,889

**Penutup**

Dalam kertas ini memang sengaja dibincangkan *perkembangan kuantitatif* dan *perkembangan kualitatif* secara berasingan, tetapi, jika diambil perkembangan pendidikan secara keseluruhan, maka kedua-dua aspek ini tidak mungkin dipisah-pisahkan, malah, kedua-duanya saling melengkapi serta saling bantu-membantu. Dalam kita berusaha memperhebatkan pembangunan kualitatif, tidaklah pula bermakna bahawa pembangunan kuantitatif boleh dihentikan atau dikurangkan. Perkembangan kuantitatif perlulah juga diberi keutamaan yang sewajarnya supaya akan sentiasa wujud keadaan yang seimbang. Yang penting sekarang ialah memusatkan lagi perkembangan kualitatif supaya dapat menyaangi perkembangan kuantitatif yang memang sudah maju.

Sebagai kesimpulan, suacita disebutkan bahawa perkara utama yang ditegaskan dalam kertas ini ialah, sungguhpun pendidikan di negara kita telah berkembang dengan begitu pesatnya dalam tempuh 21 tahun yang lampau, baik dari segi bilangan murid, bilangan guru, bilangan sekolah, jenis-jenis kegiatan di sekolah, baik di dalam maupun di luar darjah, usaha-usaha bagi meningkatkan mutu pendidikan kita ke paras kejayaan yang cemerlang khususnya dari segi *perkhidmatan sokongan*, telah tidak diseimbangkan. Contoh yang paling nyata ialah *Sekim Pinjaman Buku-Buku Teks*. Kita telah melancarkan sekim ini dalam tahun 1974 dengan menelan belanja sebanyak 62 juta ringgit dengan tujuan hendak meringankan bebanan ibubapa di dalam masalah pelajaran. Namun begitu, *di dalam melaksanakan sekim itu*, yang sekarang ini telah meningkat ke jumlah 182 juta ringgit, *kita tidak memperuntukkan walau seorangpun pegawai atau kakitangan khas bagi menguruskannya di peringkat sekolah, daerah, ataupun negeri*. Dengan itu kita terpaksa menggunakan apa juga tenaga yang ada di peringkat-peringkat tersebut bagi menjayakan rancangan ini.

Dalam memperkatakan *Sekim Pinjaman Buku Teks ini*, satu lagi hal yang perlu diberi perhatian ialah tentang *mutu buku teks* itu sendiri. Selama ini kita memberi penegasan supaya buku-buku itu sampai kepada murid pada masa-masa yang tertentu. Sekarang sudah tiba masanya bagi kita meneliti isi kandungannya pula supaya ia sesuai dengan masa dan keadaan murid yang menggunakaninya.

Sebagai makluman, suacita disebutkan bahawa selain daripada *Sekim Pinjaman Buku-buku Teks*, pihak Kementerian Pelajaran telah juga mengadakan berbagai-bagai jenis rancangan lain, termasuklah di antaranya:

1. bimbingan pelajaran dan kerjaya;
2. perpustakaan;
3. rancangan Radio dan T.V. Pendidikan;
4. Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru (PIBG),
5. matapelajaran elektif dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya
6. memperkenalkan pengajaran Sains Paduan;
7. rancangan amalan makanan dan pemakanan;
8. kegiatan-kegiatan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) yang semakin rancak dari peringkat sekolah – daerah – zon – negeri – kebangsaan;
9. musabaqah al-Quran;
10. pesta muzik;
11. kempen Bahasa Inggeris;
12. pengumpulan data maklumat pelajaran secara komputer; dan
13. perkembangan asrama di sekolah-sekolah harian.

Tidak syak lagi kesemua rancangan di atas adalah bertujuan baik. *Kesemuanya sekali telah dirancang dengan teliti untuk menuju ke matlamat pendidikan yang bermutu*. Malaysia kini sudahpun hampir-hampir sama dengan negara-negara maju, malahan, ada agensi-agensi antarabangsa yang tidak lagi mahu menganggap Malaysia sebagai negara yang membangun. Kalau dibandingkan dengan negara-negara membangun yang lain perkara-perkara yang disebutkan tadi hanya berupa impian kepada mereka. Namun demikian, agak malang bagi kita kerana, di dalam melaksanakan rancangan-rancangan tersebut kita kurang memberi perhatian terhadap *perkhidmatan perkhidmatan sokongan* dengan sewajarnya (Rujuk Jadual 9).

Tidaklah dapat dinafikan bahawa dengan bertambahnya usaha-usaha yang seperti ini, tanpa menseimbangkan bilangan kakitangan yang sewajarnya di tiap-tiap peringkat yang berkenaan, maka akibatnya akan melibatkan kepada kurangnya perhatian terhadap *kualiti* (mutu) pelajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Inilah yang menjadi matlamat dan *concern* yang utama kepada kita sekarang dalam usaha hendak menuju ke arah *pendidikan yang bermutu* (berkualiti tinggi)

di seluruh negara kita, khususnya di kawasan-kawasan yang selama ini kurang bernalasib baik. Sekiranya kita tidak mengambil langkah-langkah yang tegas bagi mengubati keadaan ini, maka, selama itulah kita tidak dapat mencapai hasil sebagaimana yang kita idam-idamkan.

### Nota

<sup>1</sup> Naskah asal kertas ini merupakan satu ceramah yang disampaikan di dalam "Seminar Persatuan Pengelola Sekolah Semenanjung Malaysia", yang diadakan di Dewan Persidangan RECSAM, Pulau Pinang pada 29hb. September, 1979.